

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 18/9/2008

SAPP pengacau dalam BN – Abdullah

PUTRAJAYA 17 Sept. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan tindakan Parti Maju Sabah (SAPP) untuk keluar daripada Barisan Nasional (BN) merupakan sesuatu yang melegakan BN.

Perdana Menteri berkata, SAPP “merupakan satu masalah kepada BN selama

ini” dan adalah baik untuk parti itu keluar BN daripada terus menjadi ‘pengacau’.

“Dia (SAPP) merupakan masalah kepada parti. Dia pengacau, biarlah dia pergi, tak apa,” katanya ketika ditemui pada majlis berbuka puasa bersama menteri Kabinet, timbalan menteri, ketua menteri,

menteri besar dan pegawai kanan kerajaan di kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pada majlis itu, Abdullah menyerahkan sumbangan zakat daripada Kumpulan

Felda sebanyak RM15.65 juta kepada sembilan buah negeri yang diwakili oleh menteri besar dan ketua menteri masing-masing.

Hari ini SAPP membuat keputusan keluar daripada BN melalui mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu di Kota Kinabalu.

um - 18/9/2008